

Kerjasama BAT Malaysia, 3 badan amal

## Kerjasama BAT Malaysia, 3 badan amal

**PETALING JAYA** – British American Tobacco Malaysia Bhd. (BAT Malaysia) telah bekerjasama dengan tiga badan amal untuk membantu golongan kurang berkemampuan melalui penganjuran aktiviti bertemakan *Cheer-Ria Raya*.

Badan amal tersebut adalah Dapur Rakyat, Ibupreneur dan Komuniti Tukang Jahit.

Pengarah Urusan BAT Malaysia, Jonathan Reed berkata, salah satu tujuan kempen tersebut adalah untuk memberi peluang kepada golongan kurang berkemampuan menjana pendapatan melalui makanan yang mereka masak di rumah.

Tambah beliau, sepanjang bulan Ramadan yang lalu, kakitangan di ibu pejabat BAT Malaysia telah dihidangkan dengan 700 sajian yang dimasak sendiri oleh ibu tung-

gal, keluarga B40 dan golongan kurang upaya di bawah naungan Yayasan Wanita Malaysia dan Hope Kitchen Malaysia menerusi usaha sama Dapur Rakyat.

"Kami juga berganding bahu dengan Ibupreneur dan Komuniti Tukang Jahit melalui 500 *Cheer-Ria Raya Gift Box* yang diagihkan kepada semua kakitangan kami.

"*Gift Box* ini telah diisi dengan 10,000 biskut raya dan 1,000 keping dompet raya.

"Ia turut diisi dengan pemegang kad nama menggunakan batik yang dibeli daripada usahawan tempatan," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Ibupreneur adalah sebuah perusahaan sosial yang mengajar ibu-ibu cara untuk menguruskan perniagaan pembuatan kuih di rumah.



**PROJEK *Cheer-Ria Raya Gift Box* mengeratkan hubungan kerjasama antara BAT Malaysia dengan tiga badan amal.**